

KESAN PERBANDARAN KE ATAS GEJALA SOSIAL REMAJA MELAYU

HanXiao@Indah

Jabatan Pengajian Melayu
Beijing Foreign Studies University (BFSU)

E-mel: hanxiao@bfsu.edu.cn

ABSTRAK

Fokus utama kajian ini ialah bagaimana proses perbandaran dan pemodenan memberi kesan terhadap perlakuan golongan remaja. Sebahagian besar data untuk kajian ini diperolehi daripada kajian kepustakaan serta soal selidik dan temu bual yang dilakukan ke atas 47 buah keluarga Melayu berpendapatan rendah yang tinggal di rumah pangsa 17 tingkat, Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur. Kajian ini mendapati proses perbandaran dan pemodenan telah membawa perubahan kepada keluarga Melayu berpendapatan rendah, seperti peningkatan dalam kecenderungan kaum wanita (isteri/ibu) berkerjaya dan kurangnya perhatian ibu bapa terhadap anak-anak. Ini ternyata membawa kesan yang sangat kritikal kepada golongan remaja di bandar. Perubahan-perubahan tersebut didapati telah menyumbang kepada peningkatan salah laku golongan remaja, antaranya merokok, melibatkan diri dalam aktiviti mat rempit, mak nyah, pengkit dan pergaulan bebas.

Kata Kunci: perbandaran, gejala sosial remaja, lepak, merokok, mat rempit, pergaulan bebas.

1.0 PENDAHULUAN

Keluarga Melayu di bandar telah mengalami perubahan yang drastik berikutan proses pemodenan yang dijalankan oleh kerajaan semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Dilanda arus globalisasi, keluarga Melayu yang berasaskan adat Melayu dan berteraskan Islam menjadi lemah dalam menjalankan fungsi. Selain itu, peranan anggota keluarga Melayu juga terjejas dan jalinan hubungan persanakan turut menjadi longgar. Dalam konteks ini, siapakah yang menjadi mangsa keruntuhan institusi keluarga jika bukan generasi muda, tulang belakang bangsa dan negara? Gejala sosial seperti masalah mat rempit, pergaulan bebas, sumbang mahram, penyalahgunaan dadah dan jangkitan HIV/AIDS semakin menjadi-jadi saban hari. Kurang didikan agama dan keruntuhan akhlak telah menyebabkan penglibatan remaja dalam gejala sosial dan jenayah berada pada tahap yang membimbangkan apabila sebanyak 3,432 remaja ditahan merangkumi pelbagai kesalahan jenayah sepanjang tahun 2006 (Utusan Malaysia, 6 April 2001).

1.1 Objektif Kajian

Kajian ini mengenai gejala sosial remaja Melayu di bandar dengan tumpuan khusus kepada remaja Melayu keluarga berpendapatan rendah di kawasan rumah pangsa 17

tingkat di Kampung Kerinchi (Kg. Kerinchi), Kuala Lumpur. Persoalan utama yang menjadi fokus kajian ialah, apakah proses perbandaran dalam era globalisasi dekad ini mendorong remaja Melayu ke dalam masalah sosial.

Selain dari persoalan utama kajian, objektif kajian khusus turut dikemukakan untuk dibincangkan dengan lebih lanjut, iaitu:


- a. Mengkaji permasalahan sosial remaja Melayu di bandar.
- b. Mengkaji kesan perbandaran atas golongan remaja Melayu.

2.0 GEJALA SOSIAL YANG MEMBABITKAN GOLONGAN REMAJA

Pengertian gejala sosial dalam kajian ini ialah kesalahan tingkah laku yang bertentangan adat orang Melayu dan peraturan agama Islam. Dalam perbincangan seterusnya, empat gelagat remaja Melayu bandar yang paling “panas” dan “hangat” masa kini menjadi tumpuan pengkaji, antaranya melepak, menghisap rokok, mak nyah dan pergaulan bebas. Masalah sosial seperti itu bukan sahaja membahayakan diri sendiri tetapi mengundang kesan yang sangat buruk kepada masyarakat.

Lepak

Perkataan “lepak” tidak asing lagi bagi masyarakat Melayu. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), ia bermaksud amalan negatif dalam kalangan anggota-anggota masyarakat, seperti dalam kalangan remaja yang menghabiskan masa dengan duduk-duduk tanpa melakukan kegiatan yang berfaedah. Yang menyedihkan ialah antara para remaja yang terheret ke kancah tersebut, budak Melayu menjadi golongan majoritinya. Buktinya, mereka telah diberi gelaran ‘Pelepak Nombor Satu’ dalam negara (5 September 2008, Utusan Malaysia).



Sumber dari www.dromoz.com

Rajah 1: Rumah Pangsa 17 Tingkat terletak di antara Vista Angkasa, SMK Seri Pantai dan kawasan Pantai Dalam

Kawasan rumah pangsa 17 tingkat juga dijadikan satu tempat lepak bagi anak-anak remaja dari Vista Angkasa di seberang jalan, SMK Sri Pantai serta kawasan Pantai Dalam yang tidak jauh dari sini (Lihat Rajah 1). Menurut penduduk setempat, masalah remaja melepak adalah serius di kawasan ini. Hampir setiap hari, didapati ramai pelajar sekolah melepak di sini selepas pulang dari sekolah. Kadang-kadang pada waktu sekolah lagi, mereka ponteng kelas dan terus datang ke sini untuk melepak beramai-ramai. Jumlah pelajar itu adalah dalam 10-20 orang, termasuk remaja lelaki dan perempuan. Mereka suka melepak di bawah atau di tangga-tangga bangunan. Kadang-kadang tingkat yang paling atas di rumah pangsa ini juga dijadikan tempat mereka berkumpul kerana di sana jarang ada orang melalui.

Menghisap Rokok

Tabiat merokok dalam kalangan remaja bawah umur 18 tahun di negara ini semakin membimbangkan berikutan meningkatnya jumlah tangkapan golongan itu atas kesalahan membeli, memiliki dan menghisap rokok di tempat awam. Seawal tahun 2000, hasil daripada satu kajian oleh Kementerian Kesihatan di sebuah sekolah di Selayang, Selangor telah menunjukkan bahawa kadar kecenderungan merokok dalam kalangan remaja bawah umur 18 tahun yang masih bersekolah adalah tinggi iaitu 16.7 peratus (Utusan Malaysia, 18 November 2000).

Keadaan remaja merokok di tempat kajian adalah cukup merisaukan. Namun begitu, perlu dijelaskan di sini, kebanyakan mereka bukan anak kawasan ini tetapi penuntut dari SMK Seri Pantai dan Vista Angkasa. Menurut penduduk, pelajar-pelajar sekolah itu pada waktu sekolah turun dari tempat sekolah di belakang rumah pangsa 17 tingkat dan membeli rokok di kedai di bawah bangunan itu, selepas itu melepak sambil menghisap rokok. Didapati bukan sahaja remaja lelaki terlibat dalam tabiat merokok tetapi juga remaja perempuan.

Lebih menyedihkan lagi, di kawasan ini didapati sebuah kedai runcit secara terang-terangan menjual rokok kepada murid sekolah di bawah umur 18 tahun. Semua penduduk berasa geram dengan perbuatan wanita itu kerana dia telah “merosakkan bangsa sendiri”. Tentang perkara ini, Puan E meninggikan suara, “Sebenarnya tak boleh bagi anak-anak hisap rokok, nampak anak-anak itu, umpamanya anak kita, takkan la kau nak bagi dia rokok, kan?” Sebelum ini, pihak polis pernah datang ke sini untuk memeriksa kedai tersebut, malangnya mereka telah dimarahi oleh wanita itu. Demi mengelakkan diri daripada pihak polis, wanita tersebut telah bertindak mlarikan diri.

Kebimbangan masyarakat tentang penglibatan golongan remaja dalam tabiat merokok semakin meningkat kerana merokok sering digambarkan sebagai platform untuk terjebak di dalam penyalahgunaan dadah. Melalui kajian Majlis Penasihat Wanita Sabah dan Universiti Malaysia Sabah (UMS), didapati rata-rata penagih dadah wanita di Sabah mula merokok pada umur 16 tahun (Utusan Malaysia, 19 April 2008). Dapat dirumuskan, pengambilan dadah biasanya bermula dengan menghisap rokok. Keadaan ini tidak menghairankan kerana remaja yang sudah biasa dengan rokok tidak segan dan takut untuk cuba menghidu gam, menghisap ganja dan seterusnya mengambil dadah lain yang lebih keras.

Mak Nyah

Fenomena mak nyah bukanlah suatu kejadian yang khusus dalam kalangan remaja Malaysia sahaja. Padahal, di merata-rata tempat terutama di kota besar di dunia ini pun ada remaja yang tidak menerima jantina sendiri tetapi berlagak seperti jantina lawannya. Sungguhpun begitu, kejadian ini berlaku secara meluas dalam kalangan remaja Melayu yang beragama Islam tetap menarik perhatian khusus dari pengkaji. Melalui pemerhatian dan temu duga, fenomena ini didapati sangat menonjol di tempat berdekatan.

Biasanya golongan yang menunjukkan keadaan transeksual ini adalah mereka yang berada pada tahap antara akhir remaja dan awal dewasa. Golongan ini mempunyai keyakinan dan kepercayaan bahawa jiwa sebenar mereka terkurung dalam tubuh badan dengan jantina yang salah. Mengikut kajian satu badan bukan kerajaan yang bernama IKHLAS (Pink Triangle), pada tahun 1998 bilangan mak nyah telah mencencah 10,000 di seluruh negara, di antaranya 70%-80% adalah orang Melayu (Yik Koon Teh, 1998: 169). Kajian Yik Koon Teh pada tahun 2001 pula menunjukkan, di antaranya 507 orang mak nyah yang menjadi responden kajiannya, terdapat 86% merupakan lelaki Melayu beragama Islam dan selebihnya Cina (5%), India (4%) dan lain-lain minoriti (3%).

Di tempat kajian, bilangan mak nyah adalah ramai. Mereka bukan penduduk tetap tetapi menyewa rumah di situ, di antara mereka ada yang masih belajar, ada juga yang telah mula bekerja. Golongan mak nyah atau pondan itu yakin bahawa mereka berjantina perempuan walaupun tubuh badan mereka adalah lelaki dengan alat kelamin lelaki yang jelas. Maka mereka berusaha supaya tingkah laku mereka nampak semacam perempuan. Mereka bersolek, memakai pakaian wanita, bersuara dan bergaya seperti kaum Hawa, malah ada yang lebih feminin daripada perempuan yang tulen. Mengikut penduduk di sini, mak nyah di tempat berhampiran itu cantik, ini kerana mereka makan ubat hormon dan mengambil suntikan. Ada sesetengah di antara mereka suka memakai baju yang seksi apabila keluar bekerja, biasanya di salon dan kelab-kelab. Lelaki-lelaki di sini suka melihat mereka, cuma mak nyah tersebut tidak pula berminat dengan lelaki di kawasan ini.

Pergaulan Bebas

“Pergaulan bebas” di sini bermaksud pergaulan bebas antara lelaki perempuan yang bukan muhrim, misalnya duduk berdua-duaan lelaki dan perempuan bukan muhrim di tempat yang sepi. Fenomena ini didapati semakin menjadi-jadi dalam kalangan remaja Melayu masa kini. Mereka sedang melalui satu fasa yang genting di mana persoalan moral dan akhlak bukan lagi pertimbangan utama dalam setiap keputusan mereka, sebaliknya kesorongkan duniawi merupakan buruan jiwa semata-mata dan mengheret mereka ke kancang pergaulan bebas tanpa batasan agama.

Di tempat kajian pula, tidak kurang pasangan yang mabuk dalam dunia percintaan sehingga melakukan perkara yang kurang menyenangkan, misalnya duduk berdua-duaan, berpegangan tangan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, penduduk di kawasan rumah pangsa 17 tingkat sangat prihatin dan mereka memantau keadaan di sini untuk mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini. Jika ada lelaki dibawa masuk rumah perempuan bujang, penduduk akan memeriksa dan menegur.

Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan tanpa batasan jika tidak dikawal dengan baik pasti menimbulkan fitnah dan zina. Dalam masyarakat Melayu sekarang, perbuatan tinggal serumah dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di negara ini semakin berleluasa. Menurut kajian yang dilakukan oleh pihak Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), remaja Melayu paling banyak terlibat dalam salah laku seks, khususnya di rumah-rumah pangsa (Utusan Malaysia, 17 September 1999). Menurut para informan, kisah-kisah anak bujang teruna dan dara menyewa bilik dengan teman masing-masing bukan lagi rahsia, mereka tinggal di rumah yang disewa itu dan berlagak seperti pasangan suami isteri. Perlu ditegaskan, mereka itu bukan orang sini tetapi dari tempat lain dan hanya bekerja atau menuntut di kawasan sekitar.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Rumah pangsa 17 tingkat di Kg. Kerinchi, Kuala Lumpur dipilih menjadi tempat kajian dalam kertas kerja ini. Rumah pangsa ini merupakan rumah kos rendah dan penghuninya merupakan golongan berpendapatan rendah. Rumah pangsa 17 tingkat mula diduduki pada tahun 1977 dan mengandungi 176 unit, antaranya 160 unit merupakan kediaman manakala 16 unit adalah kedai. Majoriti penduduk merupakan orang Melayu beragama Islam dan mereka terdiri daripada pekerja kilang, pemandu teksi, buruh kasar, peniaga kecil, guru sekolah, warga tua yang telah bersara dan sebagainya.

Kajian ini berdasarkan soal-selidik dan temu duga terhadap 30 peratus unit daripada jumlah unit kediaman yakni 47 unit. Kesemua 47 buah keluarga Melayu berpendapatan rendah yang terpilih secara rawak sebagai sampel dalam kajian ini terdiri daripada ibu bapa yang tinggal bersama anak-anak mereka yang belum berkahwin.

4.0 KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jika ditelusuri punca gelagat sosial golongan remaja Melayu bandar masa ini, didapati memang bukan satu atau dua penyumbang sahaja yang menjadikan keadaan sebegini. Walaupun begitu, institusi keluarga tetap menjadi punca utama kejadian ini berlaku. Ini kerana, dunia keluargalah yang membentuk identiti remaja dan menentukan adakah remaja itu dapat “menjadi orang” dan membawa diri dengan baik di luarrumah. Melalui kajian ke atas 47 buah keluarga Melayu di tempat kajian, perubahan peranan ibu bapa yang diakibatkan proses perbandaran dibuktikan telah mempengaruhi perkembangan remaja dan mendorong mereka ke dalam kancan gejala sosial.

Kehidupan di bandar yang selalu mencabar dan semakin tinggi kos hidupnya menggesa lebih ramai isteri Melayu iaitu 59.6% dalam 47 orang isteri menceburkan diri dalam pasaran kerja untuk menambah pendapatan keluarga dan meringankan beban ekonomi suami. Kadar ini telah meningkat dengan ketara daripada 21% pada tahun-tahun 80-an abad ke-20 (Yaacob Harun, 1991). Cara hidup para ibu pada suatu masa dahulu yang banyak menghabiskan masa dengan anak-anak dalam rumah telah berubah. Kesibukan kerja di pejabat dan bebanan urusan rumah tangga menjadikan ibu bekerja tidak dapat memberi fokus sepenuhnya kepada anak-anak.

Perubahan peranan ibu dan kesibukan bapa telah membawa kesan kepada anak-anak. Di tempat kajian terdapat 55.3% anak-anak pernah bersungut tentang kesibukan ibu bapa dan menunjukkan perasaan tidak puas hati. Ibu yang sibuk bekerja mungkin mengabaikan perasaan dan perkembangan anak-anak, lebih-lebih lagi bagi anak-anak di peringkat remaja yang banyak memerlukan perhatian dan bimbingan daripada ibu. Didapati sebuah keluarga di tingkat lapan di rumah pangsa 17 tingkat, bapa bekerja sebagai pengemas bilik di hotel dan ibu pula bekerja di kilang makanan. Pasangan itu ada dua orang anak lelaki, yang sulung berumur 12 tahun, manakala yang bongsu itu berumur sembilan tahun. Memandangkan pasangan itu bekerja dan tidak banyak masa untuk menjaga anak-anak, maka anak-anak mereka asyik lepak dan bermain di bawah setelah pulang dari sekolah. Remaja di peringkat ini yang tidak memperolehi kasih sayang, prihatin dan sokongan secukupnya berkemungkinan terlibat dalam salah tingkah laku bahkan juvenil. Menurut penduduk, dua orang adik-beradik itu selalu mengambil barang atau makan minum di kedai dengan percuma, selepas ibu bapa mereka balik kerja terpaksa datang ke kedai dan membayar hutang untuk mereka.

Harus kita tegaskan di sini, bapa sebagai ketua keluarga adalah lebih berperanan dalam mendidik anak-anak, bukan sahaja dari aspek didikan akademik, malah dari aspek mendidik anak tentang ilmu agama, moral dan sebagainya. Walau bagaimanapun, fakta yang didapati menunjukkan sebilangan besar golongan bapa di Malaysia kurang mengambil bahagian untuk menjalankan tugas keibubapaan (Mohd. Amin H. A. Shariff, 2003). Kenyataan ini telah diakui oleh para isteri Melayu yang ditemu duga di tempat kajian. Punca yang menjadikan keadaan sebegini berlaku dapat dirumuskan iaitu pertama, tekanan ekonomi para suami, dan yang kedua ialah sikap masing-masing. Golongan bapa Melayu yang menjadi pencari nafkah utama, keluar pagi dan balik malam untuk mencari duit bagi memelihara keluarga di bandar sudah pasti kurang meluangkan masa berada di rumah bersama anak-anak. Puan M menunjukkan bahawa punca yang pertama adalah kebenaran, namun kadang-kadang suami Melayu ada masa pun tidak duduk bersama anak-anak. Mereka lebih suka buat hal sendiri atau keluar dengan kawan-kawan.


Ketidakhadiran bapa memainkan peranan dalam sesebuah keluarga boleh dilihat kesannya kepada anak-anak, lebih-lebih lagi anak-anak remaja. Remaja kurang berhubung dengan bapa tetapi mempunyai lebih banyak masa bersama ibu, menunjukkan sikap yang lebih berani untuk melawan perintah ibu dan melanggar peraturan keluarga. Puan T yang berumur 57 tahun adalah isteri kedua kepada Encik B. Menurut jiran-jiran, sejak mereka masih muda dan tidak ada anak lagi, Encik B bukan selalu balik ke rumah. Lebih-lebih lagi apabila Puan T memelihara dua orang anak angkat kerana dirinya mandul, Encik B lagi jarang menunjuk muka di rumah. Puan T terpaksa membesarikan dua orang anak tersebut bersendirian, namun selepas anak lelaki itu menjadi dewasa, dia tidak lagi mendengar kata dan mula memukul Puan T. Anak seorang lagi anak perempuan, anak itu adalah pengit dan selalu membawa “*girl friend*” balik dan tidur di rumah.

Telah dibuktikan bahawa anak-anak yang kurang berhubung dengan contoh teladan bapa yang baik tanpa mengira jantina, akan menunjukkan perbezaan dari segi tingkah laku dan keperibadian yang bercanggah dengan peranan jantina yang telah ditentukan oleh masyarakat (Goode, William J, 1964). Fenomena mak nyah yang telah dibincangkan

di atas telah membuktikan kebenaran hipotesis ini. Menurut remaja yang berumur 28 tahun, kawannya D, seorang mak nyah adalah anak lelaki tunggal dalam keluarga. Ibu D ialah suri rumah, manakala bapa D adalah askar dan jarang berada di rumah kerana menjalankan tugas di *outstation*. Sejak kecil lagi, D bermain bersama kakak dan adik perempuannya, memasak, membasuh baju, mengemas rumah dan sebagainya. “Memang (sifat lembut itu adalah) naluri dia,” kata remaja itu. Ayah D yang hanya sekali sekala sahaja balik ke rumah dan apabila nampak sifat D yang menjadi semakin lembut, dia mencaci dan memarahinya. “Adakah dia berubah?” soal pengkaji. “Berubah apanya, jadi lagi lembutlah dia.” ujarnya.

Selain itu, sebagai ketua keluarga, peranan suami/bapa Melayu bandaran dalam pasal keagamaan didapati telah pun terjejas. Didapati dari Carta 1, di antara 47 buah keluarga Melayu di tempat kajian, jumlah keluarga yang selalu melakukan solat berjemaah telah merosot iaitu hanya 10.6% berbanding data dari kajian lepas yang menunjukkan 30% keluarga Melayu kerap mengerjakan solat secara berjemaah (Yaacob Harun, 1991: 82). Ini telah membuktikan bahawa pengaruh dan budaya dari luar serta perubahan yang diundang oleh proses perbandaran telah menyumbang kepada kurang berkesannya tekanan agama yang dikenakan oleh institusi keluarga kepada anggota-anggotanya. Golongan remaja yang kekurangan asuhan agama tidak akan menolak pengaruh yang jelas menjadi perosak mereka dan berani mengambil tindakan yang dilarang keras oleh ajaran Islam. Buktinya, ada sesetengah ibu bapa di tempat kajian mengaku anak-anak mereka pernah meninggalkan solat dan puasa pada bulan Ramadan.

Carta 1: Kekerapan Solat Berjemaah dalam Keluarga Melayu di Tempat Kajian



Seperti yang telah dibincangkan diatas, perubahan peranan ibu bapa serta cabaran dan perubahan gaya hidup di bandar telah menjadikan hubungan ibu bapa dan anak-anak kurang mesra. Melalui kajian, didapati kehidupan peribadi anak-anak kurang mendapat perhatian daripada ibu bapa dan hanya separuh keluarga di tempat kajian mengambil

berat tentang masalah peribadi anak-anak. Di samping itu, terdapat 10.7% anak-anak apabila menghadapi masalah jarang sekali atau tidak pernah memberi tahu ibu bapa mereka supaya diberikan nasihat dan bantuan. Bertambah teruk apabila sifat impersonaliti di bandar membataskan kemampuan ibu bapa untuk mengetahui tingkah laku anak-anak di luar keluarga. Maka sikap ibu bapa yang tidak endah dengan tingkah laku anak mereka menjadi salah satu punca golongan remaja terlibat dalam kegiatan yang tidak bermoral. Di tempat berdekatan didapati kes seorang remaja lelaki yang menghisap dadah dan menyimpan dadah itu di dalam rumah namun tidak diketahui oleh ibu bapa sehingga dia ditangkap oleh polis.

Memandangkan ramai informan ibu bapa yang mempunyai anak-anak dalam alam remaja berasa sukar untuk berkomunikasi dalam hal-hal atau masalah peribadi anak-anak demi wujudnya jurang generasi (*the generation gap*) antara satu sama lain. Pengkaji mencadangkan ibu bapa menggunakan “teknik” dengan bijaksana apabila berkomunikasi dengan anak-anak mereka dalam perkara seperti itu. Teknik-teknik itu boleh dirumuskan sebagai “tiga M” iaitu “Menghormati”, “Menahan” dan “Menyesuaikan”. Ini bermakna, dalam berkomunikasi ibu bapa harus menghormati pandangan anak-anak remaja dan mendengar dari mereka dengan ikhlas, apabila timbul perselisihan faham, ibu bapa perlu bertengang dan mengelakkan daripada dikuasai oleh emosi. Ibu bapa juga perlu sentiasa berpandangan *liberal* dan berfikiran *rasional* dan bersedia mendengar pandangan generasi muda.

Di tempat kajian, ibu didapati lebih mendekati anak-anak remaja, sedangkan bapa kurang memperhatikan tumbesaran anak-anak. Padahal, mencetuskan kejayaan anak-anak amat memerlukan gandingan kerjasama ibu bapa sebagai tunggak utama. Pada hari ini, keadaan semakin ramai isteri menceburkan diri dalam pasaran kerja memerlukan bapa memainkan peranan yang lebih aktif untuk mendidik anak khususnya dalam bidang keagamaan kerana nilai agama dapat dijadikan benteng untuk anak-anak remaja menolak pengaruh yang jelas merosakkan mereka. Peranan ibu juga seiring dengan bapa kerana ibu merupakan orang yang lebih memahami jiwa anak-anak remaja. Ibu mempunyai kemahiran untuk mengurangkan tekanan kewibawaan seorang bapa terhadap anak-anaknya. Jelas sekali, sekiranya ibu bapa masing-masing mengambil pendekatan yang sama iaitu berkeras, sudah tentu akan memberi tekanan kepada anak-anak dan menimbul ketegangan dalam keluarga.

5.0 KESIMPULAN

Keseluruhan kajian ini mendapati keluarga Melayu golongan berpendapatan rendah di bandar telah mengalami perubahan nilai-nilai sosial kerana dilanda arus perbandaran dan pemodenan, terutama sekali dari segi peranan ibu bapa. Kesibukan ibu bekerja dan kekurangan penglibatan bapa telah mengakibatkan perkembangan dan perasaan pribadi anak-anak remaja semakin diabaikan dan akhirnya mendorong mereka ke dalam masalah sosial yang tidak diingini.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2006). “Menangani Perkembangan dan Masalah Tingkah Laku Remaja dalam Keluarga” dalam *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Gold, Harry. (2002). *Urban Life and Society*. New Jersey, US: Pearson Education Inc..
- Goode, William J. (1964). *The Family*. New Jersey, US: Prentice-Hall, Inc..
- Mohd. Amin H. A. Shariff. (2003). *Perkembangan Remaja: Pandangan, Pemahaman dan Interpretasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wirth, Louis. (1938). “Urbanism as A Way of Life”, dlm Albert J. Reiss, Jr, (ed.), *On Cities and Social Life*. Chicago, US: The University of Chicago Press.
- Yaacob Harun. (1991). *Keluarga Melayu Bandar: Satu Analisis Perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yik Koon Teh. (2001). Mak Nyahs (Male Transsexuals) in Malaysia: The Influence of Culture and Religion on their Identity. *International Journal of Transgenderism*, 5(3).
- _____.1998. Understanding the problems of mak nyahs (male transsexuals) in Malaysia. *South East Asia Research*, 6(2) July, 165-180.